



USM

UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



**PUSAT PENGURUSAN BENCANA NERVE CENTRE (PPBNC) KAMPUS INDUK
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
KHAMIS, 20 OKTOBER 2022**

HEBAHAN TERKINI

Merujuk Mesyuarat Khas Pengurusan COVID-19 Bil. 7/2022 bertarikh 19 Oktober 2022 oleh PPBNC, berikut adalah beberapa keputusan yang telah dipersetujui bersama untuk perhatian warga kampus:

1. PENGUATKUASAAN PEMAKAIAN PELITUP MUKA KEPADA STAF DAN PELAJAR

Pusat Pengurusan Bencana *Nerve Centre* (PPBNC) ingin memaklumkan bahawa Kampus Induk pada ketika ini berdepan dengan penularan kes COVID-19 gelombang pertama dan dijangkakan akan berlaku gelombang kedua sekiranya tidak dibendung dengan kadar segera akibat dari peningkatan populasi warga kampus. Sehubungan itu, bagi mengelakkan peningkatan kes secara mendadak dan penularan wabak jangkitan COVID-19 dalam kampus, pihak pengurusan memutuskan agar pemakaian pelitup muka dikuatkuasakan semula.

Berikutan keadaan ini, pemakaian pelitup muka adalah **diwajibkan dan berkuatkuasa serta merta** pada tarikh hebatan ini dikeluarkan. Pemakaian pelitup muka diwajibkan untuk **semua warga kampus** terutamanya di kawasan berikut;

- i. Dewan kuliah/makmal/pejabat/kawasan tertutup
- ii. Fasiliti Kesihatan USM (Pusat Sejahtera)
- iii. Pengangkutan awam dalam kampus
- iv. Kawasan tumpuan ramai/sesak (Kafe)

Sebuah Jawatankuasa Pemantauan SOP akan diaktifkan semula bagi memastikan semua warga kampus mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

2. PENANGGUHAN PENGANJURAN AKTIVITI/PROGRAM PELAJAR

Berikutan keadaan semasa dalam kampus, semua aktiviti/program pelajar di dalam dan di luar kampus terutamanya melibatkan kawasan tertutup perlu ditangguhkan. Penangguhan aktiviti/program ini terpakai untuk semua permohonan yang telah diluluskan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (BHEPA). Namun begitu, sebarang permohonan kebenaran khas dan pertimbangan bagi meneruskan aktiviti/program pelajar dan persatuan perlu dirujuk semula ke BHEPA.

Arahan ini **berkuatkuasa bermula 21 Oktober 2022** sehingga keadaan kembali pulih. Sebarang perubahan dan pindaan tertakluk kepada keadaan semasa dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

3. PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) KULIAH/TUTORIAL BERSEMUKA/PEJABAT

Berikutan keadaan COVID-19 dalam kampus dan kuliah/tutorial telah dijalankan secara bersemuka, berikut adalah beberapa SOP yang perlu dipatuhi oleh warga kampus:

- i. Pemakaian pelitup muka sepanjang kuliah dijalankan adalah wajib
- ii. Mengurangkan aktiviti secara berkumpulan dalam tempoh masa yang panjang
- iii. Pelajar/staf perlu memantau tahap kesihatan kendiri dan tidak bergejala semasa menghadiri kuliah/tutorial/pejabat

Bagi pelajar/staf yang didapati bergejala namun ujian kendiri menunjukkan keputusan **NEGATIF** perlu ke Pusat Sejahtera untuk pemeriksaan lanjut. Pelajar/staf yang bergejala juga disarankan agar mengurangkan pergerakan dan melakukan pemantauan kesihatan kendiri.

4. PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAJAR SEBELUM KEMBALI KE KAMPUS

Bagi pelajar yang telah pulang ke kampung halaman, pelajar diwajibkan untuk melakukan ujian saringan kendiri COVID-19 sebelum kembali semula ke kampus bagi mengurangkan penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan warga kampus. Pelajar positif COVID-19 tidak dibenarkan kembali ke kampus sehingga tamat tempoh kuarantin.

Bagi pelajar yang didapati bergejala namun ujian kendiri menunjukkan keputusan negatif, wajib memakai pelitup muka dan perlu ke Pusat Sejahtera untuk pemeriksaan lanjut. Pelajar yang bergejala juga disarankan agar mengurangkan pergerakan dan melakukan pemantauan kesihatan kendiri.

5. WAKTU OPERASI PUSAT PENGURUSAN BENCANA *NERVE CENTRE* KAMPUS INDUK

Berikut adalah waktu operasi Pusat Pengurusan Bencana *Nerve Centre* Kampus Induk:

HARI	WAKTU OPERASI	HOTLINE
Isnin hingga Jumaat	9.00 pagi – 10.00 malam	04-653 6124/2267/6777
Sabtu & Ahad	9.00 pagi – 4.00 petang	

PPBNC menerima pelaporan kes COVID-19 hanya pada waktu operasi pejabat sahaja dan pemindahan pelajar ke blok isolasi akan diuruskan setelah kes diterima dan butiran pelajar diperolehi.

6. WAKTU OPERASI PUSAT SEJAHTERA

Berikut adalah waktu operasi Bilik Gerakan Pusat Sejahtera:

HARI	WAKTU OPERASI	HOTLINE
Isnin hingga Jumaat	8.00 pagi – 5.00 petang	04-653 4948
Sabtu & Ahad	8.00 pagi – 2.00 petang	

Hebahani ini terpakai untuk warga Kampus Induk sahaja dan sebarang perubahan atau pindaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Kerjasama dan keprihatinan semua pihak amat diperlukan bagi memastikan penularan COVID-19 berjaya dikawal. Sehubungan itu, seluruh warga Kampus Induk diminta agar mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan serta garis panduan bagi mengekang penularan COVID-19.

Warga kampus juga amat dialukan untuk menyertai Group Telegram rasmi Pusat Pengurusan Bencana *Nerve Centre* menerusi pautan <http://bitly.ws/ofU8> bagi mendapatkan hebahani dan makluman terkini dari masa ke semasa.

PROFESOR DR. AZLINDA BINTI AZMAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

DATO' DR. MUSA BIN HJ. ALI
PENDAFTAR
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PROFESOR DR. SIVAMURUGAN PANDIAN
PENGARAH
PUSAT PENGURUSAN BENCANA NERVE CENTRE